

# ALMECON TABLET

Dried aluminium hydroxide gel/magnesium hydroxide/simethicone (200mg/200mg/20mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Almecon
2. Bagaimana Almecon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Almecon
4. Cara menggunakan Almecon
5. Semasa menggunakan Almecon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Almecon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Almecon

Ia digunakan untuk keadaan asid berlebihan dalam perut, kembung perut dan ketidakhadaman makanan.

## Bagaimana Almecon berfungsi

Aluminium dan magnesium hydroxide adalah antasid, yang mengurangkan asid yang berlebihan dalam perut dan memberi kelegaan kepada simptom-simptom terlebih asid. Simeticone mengurangkan kehadiran angin dalam perut.

## Sebelum menggunakan Almecon

### - Bila tidak boleh menggunakan

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Almecon boleh diambil jika perlu, semasa mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mengandung, untuk jangka pendek sahaja.

Jangan ambil Almecon jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan Almecon

Beritahu doktor jika ada masalah buah pinggang, keradangan apendiks, pendarahan perut, usus atau rektum, cirit-birit berlanjutan dan gangguan usus. Almecon tidak boleh diguna lebih daripada 2 minggu, kecuali dengan arahan doktor.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ambil Almecon sekurang-kurangnya 1 hingga 2 jam selepas ubat seperti loxapine (antipsikotik), anticoagulants (untuk darah beku), antidyskinetics (untuk kekejangan otot), antimuscarinics (untuk kencing tak terkawal), ketoconazole (antikulat), tetracycline (antibiotik) dan sucralfate (untuk ulser perut). Awas semasa rawatan ubat benzodiazepines (ubat penenang), diflunisal (untuk sakit), digitalis glycosides (untuk jantung), phenothiazines (untuk sakit kepala) dan phosphates (suplemen garam-galian).

## Cara menggunakan Almecon

### - Berapa banyak harus digunakan

Kunyah 1 – 2 tablet. Dos maksima tidak

tidak boleh melebihi 24 tablet. Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Selepas makan dan sebelum tidur. Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Terlebih dos mungkin mengubahkan aktiviti enzim penghadaman dalam perut.

## Semasa menggunakan Almecon

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Almecon.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Almecon dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Almecon tidak seharusnya digunakan lebih daripada 2 minggu, kecuali dengan arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Almecon boleh

menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Rasa kapur dan gangguan perut mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Almecon

### - Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat warna putih dengan satu garisan pada atas tablet..

### - Bahan-bahan kandungan

- bahan aktif:  
dried aluminium hydroxide gel  
magnesium hydroxide  
simethicone.  
- bahan tidak aktif:  
microcrystalline cellulose  
mannitol  
peppermint oil  
polyvinylpyrrolidone  
magnesium stearate  
sodium saccharin  
silicon dioxide

### - Nombor MAL

MAL19912115X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

11/05/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)11052017/00100